

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : DALAM NEGERI

Rokok: Bakal tanggung kos RM7.4b untuk rawatan

KUALA LUMPUR 31 Okt. - Kerajaan bakal menanggung kos rawatan penyakit berkaitan merokok sebanyak RM7.4 bilion pada 2025 sekiranya kawalan tembakau tidak diperkukuhkan di negara ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, kajian unjuran yang dilakukan kementeriannya pada tahun lalu juga menunjukkan situasi itu berlaku jika prevalen merokok tidak berkurangan.

"Kos rawatan ini dibuat berdasarkan kajian *Health Care Cost of Smoking in Malaysia* dengan mengambil kira pertumbuhan penduduk sebanyak 1.5 peratus dalam tempoh masa lima tahun," katanya dalam sesi soal jawab sidang Dewan Rakyat hari ini.

Mengulas lanjut, Dzulkefly berkata, kajian turut menunjukkan harga rokok perlu ditingkatkan bagi mengurangkan jumlah perokok dan seterusnya

meningkatkan ekonomi kerajaan akibat pengurangan beban rawatan kesihatan.

Selain itu, menurutnya, satu lagi kajian berkenaan *Health Care Cost of Smoking in Malaysia* yang dijalankan pada 2007 menunjukkan kos tahunan bagi merawat tiga

penyakit berkaitan merokok iaitu kanser paru-paru, *Ischaemic Heart Disease* dan *Chronic Obstructive Pulmonary Disease* adalah sebanyak RM2.92 bilion.

Katanya, sebanyak 67.5 peratus daripada kos itu ditanggung oleh kerajaan (kos penyedia perkhidmatan) dan 32.5 peratus ditanggung oleh pesakit.

"Jumlah ini adalah bersamaan 0.7 peratus daripada Ke-



DZULKEFLY AHMAD

luan Dalam Negara Kasar (KDNK). Ini merupakan beban kewangan yang besar kepada kerajaan," katanya.

Dalam pada itu, menjawab soalan **Wong Chen (PH-Selangor)** yang meminta kerajaan menjelaskan sama ada akan mengumpul dan menerbitkan data komprehensif berhubung

kos ekonomi berkaitan merokok, Dzulkefly bersetuju dan menganggap langkah itu adalah sangat penting.

Katanya, data komprehensif itu akan dapat membantu kementerian kesihatan untuk memperkukuhkan kawalan tembakau di negara ini sebagaimana digariskan oleh Konvensyen Rangka Kerja Kawalan Tembakau.